

Nota Penting:

- Anda mesti memberitahu semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu dengan lengkap dan benar, jika tidak, ia akan menyebabkan pembatalan kontrak.
- Pembayaran caruman adalah dibayar sekaligus ketika permohonan sijil dilakukan.
- Anda hendaklah memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dengan sebaik-baiknya dan caruman yang dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.
- Maklumat produk dalam risalah ini telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Anda dinasihati agar merujuk kepada helaian penerangan produk dan dokumen-dokumen sijil untuk penerangan terperinci, termasuk yang dinyatakan di dalam risalah ini.

Kita Perlu Berbincang...

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (131646-K)

(Dahulu dikenali sebagai Syarikat Takaful Malaysia Berhad)
Tingkat 26, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.

☎ 1-300 88 252 385

🌐 takaful-malaysia.com.my

✉ csu@takaful-malaysia.com.my
treasurycare@takaful-malaysia.com.my

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad adalah sebuah syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Takaful *my*Mortgage



Sepintas Lalu:

- ✓ Umur kemasukan yang tinggi - sehingga umur 70 tahun pada hari lahir yang berikutnya **BAHARU**
- ✓ Tiada proses pengunderaitan
- ✓ Tidak perlu pemeriksaan kesihatan
- ✓ Perlindungan asas dan tambahan **BAHARU**
- ✓ Tiada pembaharuan diperlukan



Kami Lindungi. Kami Prihatin. Kami Berkongsi.



Takaful myMortgage - Pelan komprehensif dua dalam satu, iaitu:

- **Takaful Gadaijanji** - perlindungan di atas baki pinjaman rumah akibat kematian atau keilangan menyeluruh dan kekal dengan lain-lain manfaat tambahan.
- **Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang** - melindungi kerugian akibat kemusnahan kediaman atau bangunan. Di samping itu, terdapat juga pulangan tunai sekiranya tiada tuntutan*.

Skop Perlindungan

Takaful Gadaijanji	Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang
<ul style="list-style-type: none"> • Manfaat kematian • Manfaat keilangan menyeluruh dan kekal sebelum berumur 70 tahun BAHARU • Manfaat penyakit kritikal yang membawa kepada persaraan akibat kesihatan BAHARU • Manfaat perbelanjaan pengebumian sebanyak RM2,000 BAHARU • Manfaat perbelanjaan perubatan untuk keilangan menyeluruh dan kekal sehingga RM1,000 BAHARU 	<ul style="list-style-type: none"> • Kebakaran, kilat, petir dan letupan domestik • Kerosakan akibat kemalangan pesawat • Hentaman oleh kenderaan atau haiwan • Pecahan atau limpahan air daripada tangki rumah, paip atau peralatan • Kecurian akibat dipecah masuk • Puting beliung, siklon, taufan, ribut angin dan banjir • Gempa bumi dan letupan gunung berapi • Tanggungan terhadap pihak ketiga sehingga RM50,000 • Kehilangan sewa sehingga 10% daripada jumlah perlindungan rumah • Mogok, rusuhan dan kekacauan umum BAHARU • Penenggelaman dan tanah runtuh BAHARU

Caruman yang perlu dibayar tertakluk kepada:

Takaful Gadaijanji	Takaful Pemilik Rumah Kediaman Jangka Panjang
<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah perlindungan permulaan • Tempoh perlindungan (5-35 tahun) atau sehingga umur matang 95 tahun BAHARU • Tempoh interim (tanggungan) • Jantina • Umur (tarikh lahir terdekat) 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah perlindungan • Tempoh perlindungan (5-31 tahun) • Jenis kediaman • Kelas binaan

*Tertakluk pada prestasi kewangan syarikat, potongan cukai yang terpakai & yuran perkhidmatan dan tiada tuntutan yang dibuat sepanjang tempoh perlindungan.



Penyakit Kritikal yang Membawa kepada Persaraan Akibat Kesihatan **BAHARU**

Anda akan dilindungi sekiranya diberhentikan kerja oleh majikan sekarang disebabkan oleh penyakit kritikal yang tidak dapat dirawat dan penyakit kritikal tersebut akan menyebabkan anda tidak dapat berkerja untuk selamanya, tertakluk kepada kesemua syarat-syarat di bawah:

- Anda hendaklah aktif bekerja ketika tempoh perlindungan
- Penyakit kritikal hendaklah dibuktikan tanpa ragu secara medikal sebagai punca tunggal atau punca utama
- Penyakit kritikal hendaklah disahkan secara medikal oleh pegawai perubatan sebagai kekal dan tidak ada kemungkinan untuk sembuh
- Penamatan pekerjaan disebabkan punca lain adalah tidak dilindungi

Perbelanjaan Perubatan untuk Keilangan Menyeluruh dan Kekal **BAHARU**



Bagi meringankan beban anda, bayaran kos perubatan sehingga RM1,000 akan dibayar sekiranya anda disahkan mengalami keilangan menyeluruh dan kekal.

Pembayaran akan dibuat serentak dengan pembayaran tuntutan keilangan menyeluruh dan kekal.